


***D.Y.M.M. YANG DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUANKU JA'AFAR IBNI AL-MARHUM
TUANKU ABDUL RAHMAN***

***D.K., DMN., DKMB., (BRUNEI), DK (KELANTAN),
DK (KEDAH), DK (SELANGOR), DK (PERLIS), DK (JOHOR),
DK (PAHANG), DK (TERENGGANU), DK (PERAK)***




***DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU AMPUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUNKU NAJIHAH BINTI
TUNKU BESAR BURHANUDDIN,
DK., SPTJ.***





Cogan Kebesaran Di-Raja

**ALAT-ALAT
KEBESARAN
DI RAJA**



Lapan Keris Panjang



Lapan Pedang Panjang




Empat Panji-panji (Tonggol) Kuning
Dua Panji-panji (Tonggol) Merah
Dua Panji-panji (Tonggol) Hitam




Epan Tombak Berambu





**TRADISI PENGHULU-
PENGHULU LUAK
MENGADAP**



TRADISI PENGHULU- PENGHULU LUAK MENGADAP:

Satu Tinjauan Ringkas Ke atas Upacara dan
Adat Istiadatnya.

PENDAHULUAN

Kesempatan meneliti ini sekaligus bererti memelihara dan menyelamatkan warisan budaya dan sejarah yang bukan sahaja dapat dihayati oleh generasi kini tetapi juga oleh generasi akan datang. Oleh itu pengajiannya harus dilihat secara tersusun.

2. KÉWUJUDAN NEGERI SEMBILAN

2.1. Sebenarnya Sembilan buah 'negeri' memang telah wujud, tetapi kesemuanya itu terpisah dan menjalankan pentadbiran cara bersendirian. Negeri-negeri tersebut belum disatukan sebagai sebuah persekutuan seperti sekarang. Negeri-negeri tersebut ialah Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Kelang, Nanning, Segamat, Pasir Besar, Jelai dan Ulu Pahang. Sekarang ini sebahagiannya tidak lagi termasuk ke dalam 'Negeri Sembilan' dan ada pula 'LUAK' yang berubah kawasan.

2.2. Keadaan dan perubahan ini banyak kaitannya dengan kuasa dan pengaruh Inggeris yang mula berkembang di negeri ini selepas tahun 1844. Inggeris sangat berselera dan cergas mencampuri pentadbiran negeri ini terutama dalam hal-hal kuasa dan ekonomi.

Kebetulan negeri ini kaya dengan hasil bijih timah iaitu suatu bahan mentah yang menjadi perebutan antara kuasa-kuasa barat. Ekoran daripada itu Inggeris sepantas nian mengambil kesempatan memberi perlindungan kepada puak yang berkuasa tempatan. Dalam konteks

TRADITIONAL WAYS OF PAYING HOMAGE BY THE TRADITIONAL CHIEFS

A Brief Overview Of Its Procedure And Customs

By Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

1. INTRODUCTION

The opportunity to do this research enables us to preserve and salvage the artifacts of customs, culture and history for the benefits of not only the present generation but also subsequent generations. Thus the methodology of this research needs to be viewed systematically.

2. THE EXISTENCE OF NEGERI SEMBILAN (Nine States)

2.1. *Nine 'states' had already existed separately and autonomously. They were not united into a single federation as it is now. The nine states were Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Kelang, Nanning, Segamat, Pasir Besar, Jelai and Ulu Pahang. Today some of the states no longer belong to Negeri Sembilan and some of the 'LUAK' (territory) had shifted into new territories due to redrawing of boundary lines.*

2.2. *The changes that took place had strong relationship to the power and influence of the British in this state especially after 1844. The British were active and aggressive in their involvement in the administration of the states particularly in matters of authority, power and economy.*

Incidentally, the state was rich in tin ore, a raw material well sought after by the western powers. Subsequently, the British injected an element of conflict in Sungai Ujong when a mis-

ini Inggeris menyucukkan jarumnya di Sungai Ujong, apabila sedikit pertikaian berlaku atas soalan penggunaan Sungai Linggi. Secara tipu helahnya, kemudian Inggeris telah membuat satu perjanjian dengan Dato' Kelana Sungai Ujong sebagai hasratnya, untuk memberikan 'perlindungan'. Selepas itu meluaslah 'perlindungan' Inggeris ini ke beberapa kawasan yang lain.

- 2.3. Bertolak dari kuasa perlindungan inilah Inggeris membina dan mengekalkan kuasanya di negeri ini. Justeru itu satu perjanjian dimeterikan pada tahun 1885 di antara Gabenor Negeri-Negeri Selat bagi pihak Kerajaan Inggeris dengan Raja dan Ketua beberapa buah kawasan. Perjanjian ini bertujuan untuk membentuk sebuah 'persekutuan' bagi mencantumkan negeri-negeri kecil itu di bawah satu nama, iaitu 'NEGERI SEMBILAN'.

Di bawah 'Negeri Sembilan' yang baru ini diwujudkan enam 'Kawasan adat' iaitu:

2.3.1. **Kawasan Seri Menanti**

Kawasan ini termasuk Luak Ulu Muar, Jempol, Teraci, Gunung Pasir dan Inas. Ianya adalah di bawah Yamtuan Seri Menanti dan sekarang di bawah D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Kawasan ini melingkungi sebahagian besar daerah Kuala Pilah dan Jempol.

2.3.2. **Kawasan Luak Sungai Ujong**

Kawasan ini termasuk daerah Seremban dan Port Dickson. Ianya adalah di bawah Y.T.M. Dato' Undang Luak Sungai Ujong.

understanding in the use of Sungai Linggi took place. Through deceive the British was able to seal a treaty of 'protection' with Dato' Kelana Sungai Ujong for the purpose of providing 'protection' to the Dato'. Later the British 'protection' spread to other territories.

- 2.3. *It was from this policy of 'protection' that the British was able to build, expand and preserve its authority in the state. In 1885 a treaty was sealed between the Governor of the Straits Settlement on behalf of the British Government with Raja (King) and Leaders of a number of territories. The objective of this treaty was to formulate a 'federation' in order to integrate the various tiny states into one state, called 'NEGERI SEMBILAN'.*

Under the administration of 'Negeri Sembilan' thus formed six 'kawasan adat' (custom territories) They are:

2.3.1. **Territory of Seri Menanti**

This territory includes Luak Ulu Muar, Jempol, Teraci, Gunung Pasir and Inas. They come under the jurisdiction of Yamtuan Seri Menanti, and now under His Royal Highness Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. This territory covers a big chunk of the district of Kuala Pilah and Jempol.

2.3.2. **Territory of Luak Sungai Ujong**

This territory includes the districts of Seremban and Port Dickson. It is under the 'jurisdiction of Y.T.M. Dato' Undang Luak Sungai Ujong.

2.3.3. Kawasan Luak Jelebu
Kawasan ini termasuk sebahagian daerah Kuala Pilah dan semua daerah Jelebu. Ianya adalah di bawah Y.T.M. Dato' Undang Luak Jelebu.

2.3.4. Kawasan Luak Johol
Kawasan ini termasuk sebahagian daerah Kuala Pilah dan sebahagian daerah Tampin. Ianya adalah di bawah Y.T.M. Dato' Undang Luak Johol.

2.3.5. Kawasan Luak Rembau
Kawasan ini termasuk semua daerah Rembau. Ianya adalah di bawah Y.T.M. Dato' Undang Luak Rembau.

2.3.6. Kawasan Wilayah Tunku Besar Tampin
Kawasan ini termasuk sebahagian daerah Tampin. Ianya di bawah Y.T.M. Tunku Besar Tampin.

2.4 Bagi memantapkan persekutuan 'Negeri Sembilan' yang baru diwujudkan itu maka seorang pemerintah sebagai payung Mahkota perlu diadakan. Lantaran itu pada tahun 1898 satu lagi perjanjian ditandatangani di antara Yamtuan Seri Menanti, Tuanku Mohamad Shah ibni Al Marhum Yamtuan Antah dengan Dato' Undang Yang Empat dengan tujuan melantik Tuanku Mohamad Shah menjadi 'Raja' bagi kesemua kawasan dengan gelaran "Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan".

3. ISTIADAT PERTABALAN

3.1. Setelah wujudnya Negeri Sembilan dan terlantiknya Tuanku Mohamad Shah sebagai D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas persetujuan dan kebulatan Y.T.M.

2.3.3. Territory of Luak Jelebu

This territory includes all the district of Jelebu and part of the district of Kuala Pilah. It is under the jurisdiction of Y.T.M. Dato' Undang Luak Jelebu.

2.3.4. Territory of Luak Johol

This territory includes a part of the district of Kuala Pilah and a part of the district of Tampin. It is under the jurisdiction of Y.T.M. Dato' Undang Luak Johol.

2.3.5. Territory of Luak Rembau

This territory includes all parts of the district of Rembau. It is under the jurisdiction of Y.T.M. Dato' Undang Luak Rembau.

2.3.6. Territory of Tunku Besar Tampin

This territory includes a part of the district of Tampin. It is under the jurisdiction of Y.T.M. Tunku Besar Tampin.

2.4. *In order to effectively govern the new generation of 'Negeri Sembilan' a new administrator to act as king needs to be created. Thus in 1898 yet another treaty was signed between the Yamtuan Seri Menanti, Tuanku Mohamad Shah ibni Al-Marhum Yamtuan Antah and the Dato' Undang Yang Empat (the four territorial chiefs) with the aim of appointing Tuanku Mohamad Shah to be the 'Raja' (King) for all the territories with the title "Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan".*

3. THE INSTALLATION CEREMONY

3.1. *With the establishment of Negeri Sembilan and the appointment of Tuanku Mohamad Shah as His Royal Highness Yang di-Pertuan Besar after*

Dato' Undang Yang Empat, maka dijalankan suatu upacara istiadat yang dinamakan 'pertabalan' salah satu acara di dalam upacara istiadat pertabalan itu ialah acara mengadap sebagai tanda merafak sembah menyatakan 'taat setia' yang tidak berbelah bagi terhadap D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

- 3.2. Istiadat mengadap ini disertai oleh Y.T.M. Dato' Undang Luak Yang Empat. Dato' Bentara Kanan yang mengetuai Istiadat Mengadap ini. Beliau akan menyeru keempat-empat Y.T.M. Dato'-Dato' Undang.

- 3.2.1. Y.T.M. Dato' Klana Petra, Undang Luak Sungai Ujong.
- 3.2.2. Y.T.M. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman, Undang Luak Jelevu.
- 3.2.3. Y.T.M. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan, Undang Luak Johol.
- 3.2.4. Y.T.M. Dato' Sedia Raja/ Dato' Lela Raja, Undang Luak Rembau.

- 3.3. Setelah selesai Istiadat Mengadap keempat-empat Y.T.M. Dato'-Dato' Undang Luak itu, Dato' Bentara Kanan menyeru pula Y.A.M. Dato' Shahbandar Sungai Ujong tampil mengadap. Kemudian daripada itu barulah Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung dan lain-lain Penghulu Luak diseru seorang demi seorang mengadap dan Menjunjung Duli. Mereka ialah:

- 3.3.1. Dato' Setia Maharaja Lela Pahlawan, Penghulu Luak Ulu Muar.

consent was given by the four territorial chiefs, an installation ceremony is carried out. One of the items of the installation ceremony is paying homage to manifest obeisance towards D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

- 3.2. *The homage ceremony is accompanied by the four Y.T.M. Dato'-Dato' Undang and headed by Dato' Bentara Kanan. The four Y.T.M. Dato'-Dato' Undang are;*

- 3.2.1. *Y.T.M. Dato' Klana Petra, Undang Luak Sungai Ujong.*
- 3.2.2. *Y.T.M. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman, Undang Luak Jelevu.*
- 3.2.3. *Y.T.M. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan, Undang Luak Johol.*
- 3.2.4. *Y.T.M. Dato' Sedia Raja/ Dato' Lela Raja, Undang Luak Rembau.*

- 3.3 *After the homage ceremony by the four Y.T.M. Dato'-Dato' Undang, Dato' Bentara Kanan will then request Y.A.M. Dato' Shahbandar Sungai Ujong to pay homage. Then on wards he will call Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung and other Penghulu Luak to pay homage to D.Y.M.M. They are:*

- 3.3.1. *Dato' Setia Maharaja Lela Pahlawan, Penghulu Luak Ulu Muar.*
- 3.3.2. *Dato' Lela Petra Setiawan, Penghulu Luak Jempol.*
- 3.3.3. *Dato' Anjah Pahlawan Penghulu Luak Teraci.*
- 3.3.4. *Dato' Setiawan, Penghulu Luak Gunung Pasir.*

- 3.3.2. Dato' Lela Petra
Setiawan, Penghulu
Luak Jempol.
 - 3.3.3. Dato' Anjah Pahlawan
Penghulu Luak Teraci.
 - 3.3.4. Dato' Setiawan,
Penghulu Luak Gunung
Pasir.
 - 3.3.5. Dato' Johan Pahlawan
Lela Perkasa Walad
Kuala Dioh, Penghulu
Luak Inas.
 - 3.3.6. Dato' Setiawan,
Penghulu Luak
Gemencheh.
 - 3.3.7. Dato' Penghulu Pesaka
Air Kuning, Penghulu
Luak Air Kuning dan
 - 3.3.8. Dato' Muda Linggi,
Linggi.
- 3.4. Kemudian Dato'-Dato' Lembaga dan Waris-waris Undang Yang Empat bergilir-gilir masuk mengadap dan menjunjung duli dengancara sed-
erap. Ketika itu Dato'-Dato' Lem-
baga dan Waris-waris Undang yang
mengadap terdiri daripada:
- 3.4.1. **Lembaga Sungai Ujong**
 - 3.4.1.1. Dato' Mendika
Mendelika.
 - 3.4.1.2. Dato' Sri
Maharaja
Di Raja.
 - 3.4.1.3. Dato'
Akhirulzaman.
 - 3.4.1.4. Dato' Dagang
Paroi.
 - 3.4.2. **Lembaga Jelebu**
 - 3.4.2.1. Dato' Menteri.
 - 3.4.2.2. Dato'
Mengiang.
 - 3.4.2.3. Dato' Cincang.
 - 3.4.2.4. Dato' Senara.
 - 3.4.3. **Lembaga Johol**
 - 3.4.3.1. Dato' Raja
Balang.
 - 3.4.3.2. Dato' Mendika.
 - 3.4.3.3. Dato' Raja
Senara.
 - 3.4.3.4. Dato' Baginda
Raja.
 - 3.4.4. **Lembaga Rembau**
 - a. Di baroh
 1. Dato' Merbangsa
- 3.3.5. Dato' Johan Pahlawan
Lela Perkasa Walad
Kuala Dioh, Penghulu
Luak Inas.
 - 3.3.6. Dato' Setiawan,
Penghulu Luak
Gemencheh.
 - 3.3.7. Dato' Penghulu Pesaka
Air Kuning, Penghulu
Luak Air Kuning dan
 - 3.3.8. Dato' Muda Linggi,
Linggi.
- 3.4. This is followed by Dato'-Dato' Lem-
baga and Waris-Waris Undang Yang
Empat who will pay homage simulta-
neously. The Dato'-Dato' Lembaga
and Waris-Waris Undang are as
follows:-
- 3.4.1. **Lembaga Sungai Ujong**
 - 3.4.1.1. Dato' Mendika
Mendelika.
 - 3.4.1.2. Dato' Sri
Maharaja
Di Raja.
 - 3.4.1.3. Dato'
Akhirulzaman.
 - 3.4.1.4. Dato' Dagang
Paroi.
 - 3.4.2. **Lembaga Jelebu**
 - 3.4.2.1. Dato' Menteri.
 - 3.4.2.2. Dato'
Mengiang.
 - 3.4.2.3. Dato' Cincang.
 - 3.4.2.4. Dato' Senara.
 - 3.4.3. **Lembaga Johol**
 - 3.4.3.1. Dato' Raja
Balang.
 - 3.4.3.2. Dato' Mendika.
 - 3.4.3.3. Dato' Raja
Senara.
 - 3.4.3.4. Dato' Baginda
Raja.
 - 3.4.4. **Lembaga Rembau**
 - a. Di baroh
 1. Dato' Merbangsa

- 3.4.3.2. Dato' Mendika.
 - 3.4.3.3. Dato' Raja Senara.
 - 3.4.3.4. Dato' Baginda Raja.
 - 3.4.4. **Lembaga Rembau**
 - a. Di baroh
 - 1. Dato' Merbangsa
 - 2. Dato' Bangsa Balang
 - b. Di darat
 - 1. Dato' Seri Maharaja
 - 2. Dato' Senda Maharaja
 - 3. Dato' Andika
 - 4. Dato' Mendika.
 - 3.4.5. **Waris Sungai Ujong**
 - 3.4.5.1 Dato' Laksamana
 - 3.4.5.2. Dato' Panglima Besar
 - 3.4.5.3. Dato' Johan
 - 3.4.5.4. Dato' Lela
 - 3.4.5.5. Dato' Muda Labu
 - 3.4.5.6. Dato' Paduka Di Raja
 - 3.4.5.7. Dato' Senda Maharaja
 - 3.4.6. **Waris Jelebu**
 - 3.4.6.1. Dato' Ombi
 - 3.4.6.2. Dato' Raja Balang
 - 3.4.6.3. Dato' Paduka
 - 3.4.6.4. Dato' Majinda
 - 3.4.7. **Waris Johol**
 - 3.4.7.1. Dato' Baginda Tan Mas
 - 3.4.8. **Waris Rembau**
 - 3.4.8.1. Dato' Shahbandar
 - 3.4.8.2. Dato' Mangku Bumi
 - 3.4.8.3. Dato' Menteri Lela Perkasa
 - 3.4.8.4. Dato' Raja Di Raja
 - 3.4.8.5. Dato' Perba
- 3.5. *This ceremony of paying homage paves the way for the formalization of a tradition known as 'Penghulu-*

- 3.4.8.3. Dato' Menteri
Lela Perkasa
- 3.4.8.4. Dato' Raja
Di Raja
- 3.4.8.5. Dato' Perba

3.5. Bermula daripada Istiadat Mengadap inilah wujudnya suatu tradisi Penghulu-Penghulu Luak Mengadap'. Selepas daripada upacara ini, D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah menetapkan upacara Penghulu-Penghulu Luak Mengadap dijalankan bagi Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung dan lain dari empat Luak lagi tidak lagi melibatkan Luak-luak Undang. Hal ini menjadi suatu tradisi kemudiannya diadakan pada setiap tiga tahun sekali. Perkara ini telah dijalankan secara berterusan sejak daripada Almarhum D.Y.M.M. Tuanku Mohamad Shah, Almarhum D.Y.M.M. Tuanku Abdul Rahman, Almarhum D.Y.M.M. Tuanku Munawir dan semasa D.Y.M.M. Tuanku Ja'afar hanya dapat dilakukan 2 kali iaitu pada tahun 1971 dan 1988. Selepas daripada itu, tidak dapat diadakan disebabkan oleh beberapa masalah dan halangan.

4. ISTIADAT PENGHULU-PENGHULU MENGADAP LUAK TANAH MENGANDUNG

4.1. Istiadat ini dibuat berasingan tidak lagi melibatkan Luak-luak Undang. Ia hanya untuk Luak Tanah Mengandung dan Luak-Luak lain sahaja. Istiadat ini bagi semua Dato'-Dato' Penghulu dan Dato'-Dato' Lembaga di Luak-Luaknya.

4.2. Dato'-Dato' Penghulu:-

- 4.2.1. Dato' Setia Maharaja
Lela Pahlawan,
Penghulu Luak Ulu
Muar.
- 4.2.2. Dato' Lela Petra
Setiawan, Penghulu

Penghulu Luak Mengadap'. It was after this ceremony that D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan decided that this ceremony 'Penghulu-Penghulu Luak Mengadap' be confined to Dato'-Dato' Penghulu Tanah Mengandung. Dato'-Dato' from the other Luak were exempted. This traditional ceremony was held once in every 3 years. It has been held through the reign of late D.Y.M.M. Tuanku Muhamad Shah, the late D.Y.M.M. Tuanku Abdul Rahman and the late D.Y.M.M. Tuanku Munawir. During the reign of the present ruler, D.Y.M.M. Tuanku Ja'afar, this ceremony was held only twice, that was in 1971 and 1988. Since then no paying homage ceremony has been held due to number of problems and constraints.

4. TERRITORIAL CHIEFS OF LUAK TANAH MENGANDONG PAYING HOMAGE CEREMONY

4.1. *This ceremony was held separately and does not include other districts of areas (Luak). It is confined to Luak Tanah Mengandung and a few other Luak only. This ceremony is all for the Dato'-Dato' Penghulu and Dato'-Dato' Lembaga from the respective Luak.*

4.2. Territorial Chiefs

- 4.2.1. Dato' Setia Maharaja
Lela Pahlawan, Penghulu
Luak Ulu Muar.
- 4.2.2. Dato' Lela Petra
Setiawan, Penghulu Luak
Jempol.
- 4.2.3. Dato' Anjah Pahlawan,
Penghulu Luak Teraci.
- 4.2.4. Dato' Setiawan, Penghulu
Luak Gunung Pasir.
- 4.2.5. Dato' Johan Pahlawan
Lela Perkasa Walad
Kuala Dioh, Penghulu
Luak Inas.

- Luak Jempol.
- 4.2.3. Dato' Anjah Pahlawan, Penghulu Luak Teraci.
- 4.2.4. Dato' Setiawan, Penghulu Luak Gunung Pasir.
- 4.2.5. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Walad Kuala Dih, Penghulu Luak Inas.
- 4.2.6. Dato' Setiawan, Penghulu Luak Gemencheh.
- 4.2.7. Dato' Penghulu Pesaka Air Kuning, Penghulu Luak Air Kuning.
- 4.2.8. Dato' Muda Linggi, Linggi.

4.3. Dato'-Dato' Lembaga:-

- 4.3.1. **Luak Ulu Muar**
 - 4.3.1.1. Dato' Baginda Maharaja, Serampu Lembaga
 - 4.3.1.2. Dato' Paduka Besar, Lembaga Yang Empat
 - 4.3.1.3. Dato' Seri Maharaja, Lembaga Yang Empat.
 - 4.3.1.4. Dato' Senara Muda, Lembaga Yang Empat.
 - 4.3.1.5. Dato' Orang Kaya Bongsu, Lembaga Yang Empat
- 4.3.2. **Luak Ulu Jempol**
 - 4.3.2.1. Dato' Lela Raja
 - 4.3.2.2. Dato' Seri Amar Menteri

- 4.2.6. Dato' Setiawan, Penghulu Luak Gemencheh.
- 4.2.7. Dato' Penghulu Pesaka Air Kuning, Penghulu Luak Air Kuning.
- 4.2.8. Dato' Muda Linggi, Linggi.

4.3. Dato'-Dato' Lembaga

- 4.3.1. **Luak Ulu Muar**
 - 4.3.1.1. Dato' Baginda Maharaja Serampu Lembaga.
 - 4.3.1.2. Dato' Paduka Besar, Lembaga Yang Empat.
 - 4.3.1.3. Dato' Seri Maharaja Lembaga Yang Empat.
 - 4.3.1.4. Dato' Senara Muda, Lembaga Yang Empat.
 - 4.3.1.5. Dato' Orang Kaya Bongsu, Lembaga Yang Empat.
- 4.3.2. **Luak Ulu Jempol**
 - 4.3.2.1. Dato' Lela Raja
 - 4.3.2.2. Dato' Seri Amar Menteri
- 4.3.3. **Luak Teraci**
 - 4.3.3.1. Dato' Raja DiMuda
 - 4.3.3.2. Dato' Menti Maharaja
- 4.3.4. **Luak Gunung Pasir**
 - 4.3.4.1. Dato' Paduka Seri Maharaja
 - 4.3.4.2. Dato' Setia Lela

4.4. Royal Ceremonial Equipment

Before the ceremony of 'Penghulu-Penghulu Mengadap' can take place it is compulsory all the Dato'-Dato' Orang

Dato' Bentara Dalam. Sementara dikiri kanan Takhta Rencana ialah Dato'-Dato' Pegawai Yang Enam berdiri memegang keris dan pedang. Dato'-Dato' Apit Lempang dan orang-orang Besar Lingkungan. Sementara itu di bahagian belakang pula terdiri daripada Yang Amat Mulia Putera Yang Empat, Yang Mulia Anak-Anak Raja Bergelar. Y.A.M.-Y.A.M. Putera-Putera dan Puteri-Puteri Kebawah D.Y.M.M. berdua dan Dato'-Dato' Pegawai yang memegang Alat-Alat Kebesaran DiRaja serta Rakyat ramai.

4.5.4. **Kedudukan Dato'-Dato'** Adalah telah ditentukan kedudukan bagi Dato'-Dato' lain semasa di atas Panca Persada sebagai berikut:-

4.5.4.1. Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung berdiri di tingkat ketujuh. Dato' Penghulu Luak Ulu Muar dan Dato' Penghulu Luak Teraci di sebelah kanan. Sementara Dato' Penghulu Luak Jempol dan Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir di sebelah kiri.

4.5.4.2. Bagi Dato'-Dato' berjawatan dalam Istana berdiri di kiri dan kanan ditingkat bawah Panca Persada.

4.5.4.1. *Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung will stand at the seventh tier. Dato' Penghulu Luak Muar and Dato' Penghulu Luak Teraci will stand to the right while Dato' Penghulu Luak Jempol and Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir stand to the left.*

4.5.4.2. *For the Dato'-Dato' who are officials of the palace will stand to the left and to the right at the bottom tier of the Panca Persada.*

4.5.5. **Bedak Limau Ceremony**
Dato' Seri Amar DiRaja took the 'Bedak Limau' which was carried by Raja Penghulu and proceeded to the fifth tier, followed by Dato' Raja Di Wangsa, Dato' Akhirulzaman and Dato' Penghulu Dagang and then circumambulated seven times. Later one by one will pay homage and present bedak limau to both the D.Y.M.M. At the same time members of the 'Pencak Silat' group will perform thier self-defence routine in front of the Panca Persada. After the presentation both the D.Y.M.M. would leave for the palace. An eight-gun salute will be given.

4.6. **The Paying Homage Ceremony**

4.6.1. *The Ceremony is carried out on the third day. A one gun salute signalled the beginning of the ceremony. All the desig-*

4.5.5. Istiadat Bedak Limau

Dato'Seri Amar Di Raja mengambil bedak limau yang dibawa oleh Raja Penghulu lalu naik ke tingkat kelima dengan diikuti oleh Dato'Raja Di Wangsa, Dato' Akhirulzaman dan Dato' Penghulu Dagang, kemudian berjalan berkeliling sebanyak tujuh kali. Kemudian seorang demi seorang naik menghadap mempersembahkan bedak limau itu kepada kedua-dua Kebawah D.Y.M.M. Serentak dengan itu ahli-ahli pencak silat menunjukkan permainannya di hadapan Panca Persada. Sesudah itu, kedua-dua Kebawah D.Y.M.M. berangkat balik ke Istana. Tembakan 8 das meriam dilakukan semula.

4.6. Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli

4.6.1. Istiadat ini dijalankan pada hari ketiga. Tembakan meriam satu das dilakukan sebagai memulakan upacara. Semua Dato'-Dato' yang berjawatan sedia mengambil tempat masing-masing di Balai Rong Seri termasuk Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung, Dato' Penghulu Luak Inas, Dato' Penghulu Luak Gemencheh, Dato' Penghulu Pesaka Air Kuning, Dato' Muda Linggi dan semua Dato'-Dato' Lembaga yang mengambil bahagian. Turut mengambil tempat ialah Kerabat-Kerabat Di Raja. Setelah semua siap teratur dengan kedudukan para pembesar dan jempu-

nated Dato'-Dato' took their positions at the Balai Rong Seri. This include the Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung, Dato' Penghulu Luak Inas, Dato' Penghulu Luak Gemencheh, Dato' Penghulu Pesaka Air Kuning, Dato' Muda Linggi and all the Dato'-Dato' Lembaga. Those who took their seats include members of the royal family. After everything is in order and all Very Important Persons and invited guests have taken their seats, Dato' Orang Empat Istana will cordially invite both the D.Y.M.M. to proceed to the Balai Rong Seri and sit on the throne followed by D.Y.M.M. Tuanku Puan Besar Khursiah, Y.M.M. Tunku Ampuan Durah flanked by Y.A.M. Putera Yang Empat and Y.M. Anak-Anak Raja Bergelar.

4.6.2. *While on the throne both D.Y.M.M. were being flanked on the right by Y.A.M. Tunku Puan Besar Seri Menanti and Y.A.M. Tunku Muda Serting and on the left by Y.A.M. Tunku Panglima Besar. On the far end of the throne room to its right is Dato' Seri Amar Di Raja and Dato' Akhirulzaman and on its left is Dato' Raja Di Wangsa and Dato' Penghulu Dagang.*

4.6.3. *After the paying homage ceremony materialised Dato' Bentara Kanan requests the participating Dato'-Dato' to pay their homage according to their turns. An eight-gun salute was excuted followed by the citation of thanksgiving prayers and that signalled the end of*

tan, maka Orang Empat Istana mengadap mempersilakan Kebawah D.Y.M.M. berdua berangkat ke Balai Rong Seri dan bersemayam di atas Singgahsana dengan diikuti oleh Y.M.M. Tunku Puan Besar Kurshiah, Y.M.M. Tunku Ampuan Durah diiringi oleh Y.A.M. Putera Yang Empat dan Y.M. Anak-Anak Raja Bergelar.

4.6.2. Semasa di atas Singgahsana Kebawah D.Y.M.M. berdua diapit sebelah kanan oleh Y.A.M. Tunku Besar Seri Menanti dan Y.A.M. Tunku Muda Serting, di sebelah kiri oleh Y.A.M. Tunku Laksamana dan Y.A.M. Tunku Panglima Besar. Di hujung Singgahsana pula di sebelah kanan ialah Dato' Seri Amar Di Raja dan Dato' Akhizaman sementara di sebelah kiri Dato' Raja Di Wangsa dan Dato' Penghulu Dagang.

4.6.3. Setelah Istiadat Mengadap Menjunjung Duli dizahirkan, Dato' Bentara Kanan menyeru Dato'-Dato' yang mengambil bahagian mengikut susunannya bergilir-gilir mengadap menjunjung duli. Semasa upacara ini tembakan meriam 8 das dilakukan diikuti dengan Bacaan Doa Selamat dan dengan itu berakhirlah Istiadat Mengadap bagi Dato'-Dato' Penghulu Luak. Kemudian Kebawah D.Y.M.M. berdua berangkat masuk ke Istana diiringi oleh Y.A.M. Putera Yang Empat Y.M. Anak-Anak Raja Bergelar dan Y.A.M.-Y.A.M. Putera-Putera dan Puteri-Puteri Kebawah D.Y.M.M. berdua.

the homage ceremony for the Dato-'Dato' Penghulu Luak. Soon after D.Y.M.M. left for the palace escorted by Y.A.M. Putera Yang Empat, Y.M. Anak-Anak Raja Bergelar and Y.M. Putera-Putera and Puteri-Puteri of both the D.Y.M.M.

5.

CONCLUSION

Indeed this traditional customs of paying homage which is very historical, regal and full of splendour should be conducted every three years in order to preserve its identity and traditions so that the vassal and society will always remember and give thier undivided loyalty to their beloved king.

5. **PENUTUP**

Sesungguhnya Istiadat yang bersejarah dan gilang-gemilang ini perlu diteruskan bagi mengekalkan tradisinya setiap tiga tahun sekali agar supaya Rakyat dan Masyarakat sentiasa mengenang dan memberikan sembah taat-setia yang tidak berbelah bagi kepada Rajanya yang dikasihi.

**Ditulis oleh Tuan Haji Ismail b. Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
*Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan Darul Khusus.***

Sumber-Sumber Rujukan:

1. *Wawancara dengan Dato' Penghulu Dagang Haji Adam bin Yusof, PJK. di rumah beliau di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 25 Mei, 1988.*
2. *Buku Cenderamata - Peraturan Ulangan Istiadat Penghulu-Penghulu Mengadap tahun 1949.*
3. *Buku Cenderamata - Istiadat Penghulu-Penghulu Mengadap tahun 1971.*
4. *Buku Cenderamata Pertabalan D.Y.M.M. Tuanku Jaafar Ibni Al Marhum Tuanku Abdul Rahman pada 8 April, 1968.*
5. *Laporan Aturan Adat Istiadat di Istana Besar, Seri Menanti yang disalin oleh Pejabat Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan pada 14 Februari, 1980*


**PERATURAN DATO'-DATO' YANG MENGADAP MENJUNJUNG
DULI YANG MAHA MULIA TUANKU YANG DI-PERTUAN BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. Menjunjung duli tiga kali dari tempat Seri Raja Di Muda lepas itu berjalan ke hadapan dengan penuh tertib.
2. Apabila sampai di hadapan Singgahsana sebelum naik, duduk bersela rapat lalu menjunjung duli tiga kali. Kemudian menjunjung duli sekali apabila naik kepada tiap-tiap tingkat tangga.
3. Apabila sampai ke tingkat tangga yang ketujuh berhampiran Kebawah Duli Yang Maha Mulla Tuanku menjunjung duli tiga kali lalu mengucup tangan Duli Yang Maha Mulla Tuanku berturut-turut tiga kali.
4. Lepas mengucup tangan Duli Yang Maha Mulla Tuanku barulah undur selepas mengangkat tangan menjunjung duli tiga kali.
5. Dato'-Dato' akan mengangkat tangan menjunjung duli sekali pada tiap-tiap tangga turun.
6. Apabila sampai di tingkat bawah Singgahsana hendaklah bersela rapat dan menjunjung duli tiga kali.
7. Kemudian undur ke belakang dengan penuh tertib sampai ke tempat Seri Raja Di Muda lalu duduk bersela rapat dan menjunjung duli tiga kali.


(Demikianlah diperbuat oleh Dato'-Dato' Yang Mengadap, dikecualikan Dato'-Dato' Lembaga Yang Mengadap Sederap iaitu menjunjung duli tiga kali di hadapan Singgahsana bersama-sama mengikut Luak).

Bunyi seruan Dato' Bentara Dalam

Dato' titah memanggil
tampilah mengadap menjunjung duli.



ATURCARA



HARI PERTAMA: HARI SELASA 14HB. JULAI, 1992

ISTIADAT MENURUNKAN ALAT-ALAT KEBESARAN DI RAJA

